


# **INDUKSI TINDAKAN KECEMASAN**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Induksi Tindakan Kecemasan


# Keperluan Perundangan



# KEPERLUAN PERUNDANGAN

## TINDAKAN KECEMASAN

Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara  
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan)  
2022 [Akta A1648]  
ISO 45001:2018 - *Occupational health and safety  
management systems*  
Dasar UniMAP (KKP) 2022



### **Perkara 3 : Tafsiran**

**“**

**“Bencana” ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembangan sumber yang ekstensif;**


**Arahan No. 20  
Majlis Keselamatan Negara**

- |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>(a) Bencana alam seperti kejadian banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;</p> <p>(b) Bencana industri termasuklah kejadian letupan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran bahan-bahan berbahaya (hazardous materials) di kilang, loji dan depot yang memproses, mengeluar dan menyimpan bahan-bahan berkenaan;</p> <p>(c) Kemalangan melibatkan pengangkutan, penyaluran dan pemindahan bahan-bahan berbahaya;</p> <p>(d) Keruntuhan bangunan dan struktur khas;</p> | <p>(e) Kemalangan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi;</p> <p>(f) Pelanggaran atau kegelinciran keretapi dan lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar;</p> <p>(g) Kebakaran yang melibatkan kawasan yang luas termasuklah kebakaran bangunan tinggi dan struktur khas yang mempunyai ramai orang;</p> <p>(h) Kejadian empangan/takungan air pecah;</p> | <p>(i) Kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear melibatkan pepasangan atau yang berkaitan dengannya yang mana kemalangan ini berkemungkinan boleh merebak dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda atau pencemaran alam sekitar serta menjadikan aktiviti setempat;</p> <p>(j) Kejadian jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang mengugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi Negara;</p> | <p>(k) Kejadian penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik; dan</p> <p>(l) Lain-lain kejadian Bencana yang akan diisyiharkan dan ditetapkan oleh Kerajaan.</p> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## Perkara 4 : Kejadian Bencana

# **ISO 45001:2018 - Sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan**

## **8.2 Kesiapsediaan dan tindakan kecemasan**



**Organisasi hendaklah mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan proses yang diperlukan untuk bersedia dan bertindak terhadap situasi kecemasan yang boleh berlaku, seperti yang dinyatakan dalam 6.1.2.1, termasuk:**

- a) mewujudkan tindakan terancang bagi situasi kecemasan, termasuk penyediaan pertolongan cemas;
- b) menyediakan latihan bagi tindakan terancang;
- c) melakukan pengujian dan latihan keupayaan tindakan terancang secara berkala;
- d) menilai prestasi, dan apabila perlu, mengkaji semula tindakan terancang, termasuk selepas pengujian dan khususnya selepas berlaku situasi kecemasan;
- e) mengkomunikasikan dan menyediakan maklumat yang relevan untuk semua pekerja tentang tugas dan tanggungjawab mereka;
- f) mengkomunikasikan maklumat yang relevan kepada kontraktor, pelawat, perkhidmatan tindakan kecemasan, pihak berkuasa kerajaan dan komuniti setempat, mengikut kesesuaian;
- g) mengambil kira keperluan dan kemampuan semua pihak berkepentingan yang relevan dan memastikan pelibatan mereka dengan sewajarnya dalam pembangunan tindakan terancang.

Organisasi hendaklah mengekal dan menyimpan maklumat didokumenkan berkaitan proses dan perancangan bagi tindakan terhadap situasi kecemasan yang boleh berlaku.

# **Dasar UniMAP (KKP) 2022**



**1.0 Universiti komited sepenuhnya setakat yang praktik bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua staf, pelajar, pelawat dan kontraktor serta pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam aktiviti Universiti.**

**2.0 Dasar ini terpakai dalam semua aktiviti Universiti termasuklah pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, pengkomersilan dan aktiviti pengurusan.**

### **Perkara 3.1**

**Memastikan sumber yang cukup untuk keperluan pengurusan KKP bagi mencegah kejadian yang boleh mengakibatkan kecederaan dan penyakit pekerjaan;**

### **Perkara 3.2**

**Melaksanakan dan menambah baik sistem pengurusan KKP secara berterusan, serta memastikan keperluan undang-undang seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 serta akta-akta lain yang berkaitan dipatuhi;**

### **Perkara 3.3**

**Memastikan semua hazard yang wujud dari aktiviti yang dilakukan di tempat kerja dinilai, dilakukan mitigasi dan dikawal bagi mengurangkan risiko dan mencegah kejadian kemalangan yang terhasil daripada aktiviti tersebut;**

**3.0 Universiti menyediakan dan melaksanakan proses penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan persekitaran Universiti selamat dan sihat melalui :**

### **Perkara 3.4**

**Mengintegrasikan pengurusan KKP ke dalam objektif strategik dan proses perancangan Universiti bagi memastikan kesinambungan KKP tidak dikompromi;**

### **Perkara 3.5**

**Bekerjasama dan berunding dengan staf, pelajar, pelawat dan kontraktor serta pihak yang berkepentingan tentang keputusan dalam setiap aktiviti yang boleh menjelaskan keselamatan dan kesihatan mereka. Ini akan dicapai melalui JKK, proses pengurusan hazard & insiden dan penglibatan dengan wakil KKP PTJ;**

### **Perkara 3.6**

**Melengkapkan semua staf, pelajar dengan maklumat, latihan dan sumber untuk memudahkan mereka mengurus risiko dan membudayakan KKP dengan mengintegrasikannya dalam P&P dan penyelidikan serta aktiviti pengurusan.**

# TERIMA KASIH